

19 AUG 1999

LING-CHINA

LANGKAH-LANGKAH RADIKAL BANTU MALAYSIA PULIH, KATA DR LING

KUALA LUMPUR, 19 Ogos (Bernama) -- Langkah-langkah kawalan tukaran wang berpilih-pilih dan penetapan kadar tukaran wang telah membantu Malaysia menebat ekonomi dalam negeri daripada ketidaktentuan di dalam sistem kewangan antarabangsa, Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik berkata hari ini.

Beliau berkata bahawa akibat langkah-langkah itu, tanda-tanda pemulihan daripada segi penggunaan persendirian, pelaburan dan eksport telah muncul.

Rizab antarabangsa negara juga telah meningkat dan harga-harga saham di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) telah menjadi stabil dan mengukuh, katanya dalam ucapan penutup mengenai "Bagaimana Malaysia Mengatasi Krisis Kewangan dan Mencarta Pemulihan Ekonomi" pada forum Malaysia-China ketiga di Beijing.

Teks ucapan beliau diperolehi Bernama di sini.

Dr Ling berkata bahawa langkah-langkah yang didiguna pakai oleh Kerajaan Malaysia telah menunjukkan hasil yang positif dan menyumbang ke arah pemulihan keyakinan orang ramai dan pelabur.

Dr Ling sedang berada di China, mengiringi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam lawatan tiga hari sempena ulangtaun ke-25 perhubungan diplomatik di antara Kuala Lumpur dan Beijing.

Langkah-langkah berani kerajaan telah menghasilkan rizab luar negeri Malaysia meningkat kepada AS\$31 bilion dari AS\$20 bilion, satu angka yang amat tinggi mengikut standard antarabangsa.

Malaysia menetapkan ringgit pada RM3.80 satu dolar AS sejak September lalu yang mengujudkan kesan positif yang besar kepada semua sektor.

Indeks Komposit BSKL, yang pernah menjunam sehingga serendah 262 mata pada September tahun lalu, sejak itu telah menyaksikan lonjakan hebat melebihi paras 800 mata pada peringkat tertentu.

Hari Rabu, Indeks Komposit 100 saam bermutu itu ditutup pada 760.80 mata.

Bagaimanapun, Dr Ling mengingatkan mengenai perlunya pembaharuan di bidang antarabangsa, sambil berkata terdapat keperluan untuk pembaharuan dalam arkitektur kewangan antarabangsa bagi mencapai penyelesaian yang lengkap kepada krisis (ekonomi) itu.

Dan untuk menonjolkan kebimbangan itu, Dr Mahathir telah begitu amat lantang di forum-forum antarabangsa bagi membina satu persefahaman mengenai keperluan bagi pembaharuan, katanya.

Dr Ling berkata ini terutamanya mengenai keperluan mengujudkan pihak berkuasa kawal selia global bagi memantau perjalanan yang teratur pasaran modal dunia dan menyelia pergerakan aliran modal jangka pendek dan juga menghalang manipulasi dan kemudah ruapan pasaran.

Beliau juga berkata bahawa Malaysia akan meneruskan langkah-langkah kawalan berpilih-pilihnya sehingga terdapat perubahan yang ketara dalam persekitaran kewangan global.

Dr Ling, yang juga presiden MCA, menanggapi bahawa pemulihan ekonomi negara ini berkaitan dengan langkah-langkah radikal itu dan juga keamanan dan kestabilan yang dinikmati oleh rakyatnya.

"Kestabilan politik, kami percaya adalah satu faktor yang penting di dalam pemulihan kami. Tanpa kestabilan politik dan sosial kami tidak akan berjaya. Perpaduan dan sokongan rakyat adalah paling utama," katanya.

Dr Ling juga memuji peranan yang dimainkan oleh China untuk membantu Malaysia dan ekonomi-ekonomi Asia Timur pulih dengan tidak menurun nilai

matawangnya, sambil berkata bahawa "ini telah membolehkan kami mempunyai ruang bernafas untuk pulih."

"Keputusan China tidak menurunkan nilai telah mengujudkan kestabilan lebih besar kepada rantau ini. Kami berterima kasih kepada China kerana keputusan itu telah memberikan kami waktu untuk pulih," katanya. -- BERNAMA

RV FR OS